


Suhaila 'gugur' tapi empat pesilat lain mara ke final



Srikandi negara terpaksa berpuas hati dengan pingat gangsa

KEKECEWAAN yang dirasakan di temasya Sukan SEA Singapura dua tahun lalu kembali menghantui pesilat wanita negara, Nurul Suhaila Mohamed Saiful.

Sambil duduk sendirian selepas pertarungannya, Nurul Suhaila kelihatan sugul, merenung jauh memikirkan tentang keputusan yang tidak berpihak kepadainya.

Harapannya untuk memungut pingat emas di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur ini hancur lagi apabila beliau tumpas di pusingan separuh akhir kepada pesilat Thailand, Rewadee Damsri, dalam pertarungan tanding Kelas D (60-65 kilogram) dengan keputusan tipis 2-3 se malam.

Kekalahan itu bermakna, Nurul Suhaila hanya akan membawa pulang pingat gangsa yang dikongsi bersama pesilat Indonesia, Sarah Tria Monita.

"Saya rasa amat kecewa kerana ini merupakan kali ketiga saya bertanding di Sukan SEA. Saya benar-benar fikir bahawa tahun ini adalah tahun saya mendapat emas tetapi malangnya pihak juri memutuskan sebaliknya," ujar Suhaila semasa ditemui Berita Harian selepas pertarungannya itu.

"Sepanjang tiga pusingan, saya bera-

sa tenang dan yakin tetapi kemudian menjadi panik apabila mendapat tahu bahawa saya tidak diberikan mata sekali pun berjaya membuat beberapa aksara ke atas lawan saya itu.


"Akhirnya, saya hanya kalah merusi satu tendangan," kata pesilat berusia 22 tahun itu yang telah membawa pulang pingat perak di Kejohanan Pencak Silat Terbuka Belgium Mei lalu.

Kekecewaan terbaru itu bagaimanapun tidak mematahkan semangat Nurul Suhaila yang bertekad bangkit dan meningkat persembahannya di Kejohanan Pencak Silat Asia ketiga di Korea Selatan bulan depan.

Harapan Singapura memenangi pingat emas acara tanding masih terbuka apabila tiga pesilat harapan, Muhammad Nur Alfian Juma'en, Muhammad Shakir Juanda dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, memenangi pertarungan masing-masing untuk melayakkkan diri ke final hari ini.

Juara bertahan Sukan SEA dan kapten pasukan silat Singapura, Alfian, 20 tahun, menewaskan Pimpiran Tonkheo dari Thailand dalam Kelas G (75-80kg) dengan keputusan 5-0.

Dua juara dunia Singapura - Farhan yang beraksi dalam Kelas J (90-95kg)



NASIB BERBEZA: Sheik Farhan (atas) melepaskan sepakan ke atas pencabarinya dari Indonesia, Eko Febrianto, semasa kemenangan 5-0 manakala srikandi silat negara, Nurul Suhaila (kiri), jelas kekecewaan selepas harapannya untuk layak ke final tidak kesampaian menyusuli kekalahan tipis 2-3 kepada lawannya dari Thailand. – Foto-foto FAKHRURADZI ISMAIL

pula menundukkan pesilat Indonesia, Eko Febrianto, dengan keputusan yang sama, manakala Shakir meraih keputusan 4-1 semasa menentang pesilat negara tuan rumah, Ahmad Badirullah Rahmat, dalam Kelas I (85-90kg).

Selepas pertarungannya, Shakir, yang terlepas peluang beraksi di Sukan SEA Singapura dua tahun lalu kerana masalah kecederaan, berkata:

"Alhamdulillah saya bersyukur kerana dapat ke final walaupun rasa agak gentar menentang pesilat Malaysia di hadapan penyokong mereka sendiri.

"Namun selepas pusingan kedua, saya semakin yakin bahawa saya dapat tandingi beliau selepas beberapa kali menjatuhkannya."

Di samping tiga pendekar ini, seorang srikandi negara, Atiq Syazwani Roslan, menjadi pesilat negara pertama untuk melayakkkan diri ke final selepas mengalahkan Princesslyn Enopia dari Filipina, 3-1, pada Sabtu lalu.

Selain acara tanding, aksi seni regu dan tunggal puteri yang diwakili oleh Nur Azlyana Ismail, Nurul Syafiqah Mohd Faizul dan Nurzuhairah Mohd Yazid turut akan dipertandingkan hari ini.

Mereka memikul harapan negara untuk memenuhi sasaran lima pingat emas yang diidamkan di Sukan SEA KL ini.

Laporan lanjut Sukan SEA

– Muka 15

SELASA, 29 OGOS 2017 (7 ZULHIJAH 1438)